

26/09/2003

Festival landskap terbesar Julai depan

KUALA LUMPUR: Festival Landskap dan Taman Antarabangsa Malaysia (Laman 2004) akan dianjurkan di sini Julai depan sebagai pameran terbesar landskap dan taman di rantau ini.

Festival bertemakan 'Warna-warni dalam Kehijauan' itu akan diadakan Taman Tasik Perdana. Ia bertujuan merealisasikan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadikan Malaysia sebuah negara dalam taman menjelang 2005.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata Laman 2004 diharap menjadi satu festival setanding dengan Chelsea Flower Show di London, Dutch Floride di Belanda dan Melbourne Flower Show di Australia yang berjaya menarik ramai pengunjung setiap tahun.

"Laman 2004 akan diadakan selama sembilan hari bermula 17 Julai depan," katanya dalam sidang media di sini, semalam. Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan, Siti Salmah Mohd Nor, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Salleh Yusof, serta duta dan wakil dari Kedutaan Mesir, Singapura, Jerman, Iran, Afrika Selatan dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Katanya, Jabatan Landskap Negara dan DBKL sudah merancang dengan teliti sejak setahun lalu termasuk melawat pelbagai pameran bunga seluruh dunia selain mempelawa pihak terbabit dalam industri berkenaan di dalam dan luar negara.